



## PERBADANAN SUKAN SARAWAK

### NOTIS IKLAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor – kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kelas** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut: -

No. Ruj Dan Tajuk Tender	Pendaftaran Kelas, Kepala & Sub-Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Jenis Tawaran (Terbuka/ Terhadap kepada Bumiputera Sahaja)	Tarikh dan Masa Bagi Lawatan Tapak	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
T/SSC/01/2019  Proposed Sarawak Sports Village on Lot 9764, Block 18, Salak Land District, Kuching, Sarawak	Kelas : A Kepala : I Sub-Kepala : I & Kepala : II Sub-Kepala : 2a	RM 2,300.00  Bayar di Unit Akaun, Stadium Perpaduan dan mengemukakan resit untuk pengambilan dokumen tender.	Terhad kepada Bumiputera Sahaja	11hb Februari 2019 (Isnin) Jam 10.00 pagi  Berkumpul di Bilik Mesyuarat, Aras 1, Stadium Sarawak	22hb Februari 2019 (Jumaat)	25hb Februari 2019 (Isnin) Jam 12.00 tengahari

2. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA, COP RASMI SYARIKAT** dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan) sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang layak.
3. Bayaran yuran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** yang dibayar atas nama **Perbadanan Sukan Sarawak**.
4. Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **11hb Februari 2019 (Isnin) hingga 22hb Februari 2019 (Jumaat)** pada waktu pejabat di alamat Unit Akaun, Stadium Perpaduan, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak.
5. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik/ Wakil Syarikat yang diberi kuasa secara bertulis/ Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor dan Tajuk Tender**. Sila bawa cop rasmi syarikat bagi pengesahan penghantaran dokumen tender. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah.

**Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Sukan Sarawak  
Tingkat 2, Stadium Sarawak  
Petra Jaya, 93050 Kuching,  
Sarawak**

6. Lawatan tapak adalah **WAJIB** dan hendaklah dihadiri oleh Pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA, COP RASMI SYARIKAT** dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** semasa lawatan tapak.
7. Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
8. **Perbadanan Sukan Sarawak** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

**Ketua Pegawai Eksekutif  
Perbadanan Sukan Sarawak**

26 Januari 2019